

UM 11.12.99  
Belanjawan  
sama 45  
dibentang  
20 Disember  
— Mahathir

PUTRAJAYA 10 Dis. — Belanjawan 2000 yang akan dibentangkan semula pada 20 Disember ini adalah sama seperti yang dibentangkan sebelum Parlimen dibubarkan bulan lalu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua perkara yang terdapat dalam belanjawan itu yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin Oktober lalu tidak akan diubah.

“Ia adalah belanjawan yang sama. Tidak ada perubahan sebenar,” katanya pada sidang akhbar bagi mengumumkan kabinet baru di pejabatnya di sini hari ini.

Apa yang perlu katanya, ialah kelulusan segera oleh Parlimen supaya semua peruntukan dalam belanjawan itu dapat digunakan.

“Kita memperkenalkan belanjawan yang sama, apa yang perlu ia kena diluluskan oleh Parlimen, jika tidak duit itu tidak boleh dibelanjakan,” katanya.

Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Daim pada Oktober lalu perlu dibentangkan semula ekoran Parlimen dibubarkan sebelum ia diluluskan.

Ditanya kemungkinan Daim tidak akan berkhidmat sebagai menteri kewangan sehingga tamat penggal iaitu lima tahun, ekoran kenyataan Daim baru-baru ini bahawa beliau akan bersara, Perdana Menteri berkata, tidak ada menteri yang diberi jaminan untuk berkhidmat sampai habis penggal.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada BN akan menggunakan lebih banyak pendekatan Islam dalam pentadbirannya seperti yang dilakukan oleh Pas, Perdana Menteri berkata, kerajaan BN sentiasa mengamalkan pendekatan Islam.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa negara ini sentiasa mengamalkan kebebasan berpolitik dan sebagai buktinya, Terengganu jatuh ke tangan pembangkang pada pilihan raya umum lalu.